

---

## Jaringan Komunikasi dan Media: Satu Analisis dari Perspektif Keselamatan Insan

ZARINA OTHMAN  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

BAKRI MAT  
*Universiti Utara Malaysia*

### ABSTRACT

Berakhirnya era Perang Dingin bukan sahaja telah mengubah landskap politik dunia tetapi ia juga telah mengubah pemahaman tentang teori hubungan antarabangsa. Malah, teori hubungan antarabangsa mula menumpukan kepentingan kelangsungan hidup insan di samping kelangsungan dan keselamatan negara. Mutakhir ini, perkembangan pesat teknologi maklumat melalui jaringan komunikasi turut memberi kesan terhadap keselamatan insan. Gerakan massa di Mesir dan Syria, adalah antara contoh bagaimana akses terhadap teknologi maklumat dan media, memberi kesan sebaliknya terhadap masyarakat. Adakah perkembangan jaringan komunikasi semestinya baik untuk keselamatan insan dan kelangsungan hidup? Adakah pendekatan keselamatan komprehensif yang diterima pakai oleh banyak negara di Asia Tenggara tidak sesuai sebagai kerangka melindungi rakyatnya? Berdasarkan kajian kes di Tunisia, Mesir dan Syria, makalah ini menganalisa bagaimana akses terhadap jaringan komunikasi dan maklumat yang baik boleh memberi kesan pada keselamatan insan, dan mengapa konsep keselamatan insan dilihat lebih sesuai dalam konteks hubungan antarabangsa. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisa kandungan dengan merujuk dokumen primer dan sekunder seperti laporan rasmi, buku dan jurnal akademik untuk menerangkan konsep dan isu-isu keselamatan insan. Walaupun kajian ini memberi tumpuan terhadap aspek teori, dapatan kajian memaparkan kes empirik. Adalah diharapkan kajian ini akan menyumbang kepada pemahaman mengenai isu-isu keselamatan dan teori hubungan antarabangsa secara khusus berdasarkan jaringan komunikasi dan media.

**Kata kunci:** *Jaringan komunikasi, gerakan massa, teori hubungan antarabangsa, keselamatan insan, media.*

## Communication and Media Network: An Analysis from Human Security Perspectives

### ABSTRACT

The end of the Cold War has not only transformed the international political landscape but it has also changed our understanding of international relations theory. Perhaps, international relations theory has started to move its focus from state to human survival. In recent times, the international political landscape witnessed how information technology, through its communication network, impacts human security. Mass movements in Egypt and Syria are among incidents on how access to information technology and media influence the society. Is the communication network good for human security and survival? Is the comprehensive security framework not suitable for the Southeast Asian states to protect their people? Based on the cases of Tunisia, Egypt and Syria, the article analyses how access to good communication and information networks impact human security and

why the human security concept is more suitable within the context of international relations theory. This article adopts a qualitative method and content analysis while referring to both primary and secondary documents, including official reports, academic books and journals to explain the concept and issues of human security. Even though the study focuses on the theoretical aspects, the findings of the study provide empirical evidence. It is hoped the study will contribute to our understanding about human security issues and international relations theory based on communication network and media.

**Keywords:** *Communication network, mass movement, international relations theory, human security, media.*

## PENGENALAN

Era Perang Dingin telah berakhir lebih dua dekad tetapi isu-isu keselamatan pada setiap peringkat masih terus diperdebatkan. Proses globalisasi yang dipermudahkan dengan perkembangan teknologi seperti pengangkutan, jaringan komunikasi dan perhubungan secara tidak langsung mungkin menjejaskan keutuhan sebuah negara sebagai pelaku utama dalam persekitaran politik global. Justeru, dalam konteks semasa, bagaimanakah senario ini mempengaruhi wacana keselamatan terutama di Asia Tenggara? Asia Tenggara amat relevan untuk diselidik kerana kepelbagaian isu yang masih belum reda, antaranya terorisme, krisis makanan, kemiskinan, bencana alam, pendemokrasian, pelarian suaka dan sebagainya. Isu ini mungkin boleh mempengaruhi kestabilan rantau ditambah dengan perbezaan sistem politik, perkembangan ekonomi, agama, bangsa, dan tamadun yang kompleks. Begitu juga dengan perubahan global seperti peristiwa serangan 11 September 2001, bencana tsunami 2004, krisis makanan 2008 dan gelombang *Arab Spring* yang melanda beberapa buah negara di Timur Tengah dan Afrika seperti Mesir dan Tunisia telah mengancam keselamatan insan.

Kelahiran konsep keselamatan insan pula, walaupun mewakili peluasan signifikan terhadap konsep 'keselamatan menyeluruh' yang diterima dan digunakan oleh beberapa negara di rantau Asia Tenggara seperti Singapura dan Malaysia tetapi disanggah sebagai memberi kelebihan kepada keselamatan rejim berbanding keselamatan individu atau insan (Cabalero-Anthony, 2004; Amitav, 2001). Hakikatnya, ia masih berorientasikan negara, sedangkan kebanyakan ancaman yang timbul dewasa ini adalah ancaman langsung terhadap keselamatan insan. Kajian ini menghujahkan walaupun negara di rantau ini terkebelakang dalam mengaplikasi konsep keselamatan insan, namun kes empirik menunjukkan ada yang telah berjaya mengarusperdanakannya. Thailand telah mewujudkan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keselamatan Insan, sementara Malaysia pula menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Justeru, makalah ini memberi fokus kepada wacana keselamatan di rantau Asia Tenggara dan menganalisa kesan perkembangan jaringan komunikasi dalam konteks gelombang *Arab Spring* dari perspektif keselamatan insan.

## EVOLUSI KONSEP KESELAMATAN

Dalam kajian Hubungan Antarabangsa (HA), konsep keselamatan sering dilihat dari perspektif keselamatan negara. Keselamatan negara diberikan keutamaan kerana andaian bahawa keselamatan individu akan terjamin sekiranya keselamatan negara terpelihara. Perspektif ini amat popular sebagai pendekatan arus perdana dalam memahami disiplin Hubungan Antarabangsa dalam era Perang Dingin, 1947-1991. Secara umumnya, dari segi pendekatan teoritikal sejak dari Perang Dunia Kedua, wacana tentang teori Hubungan Antarabangsa lebih tertumpu kepada realisme dan idealisme, dan kemudiannya berubah

menjurus kepada perdebatan antara aliran neorealisme dan neoliberalisme pada tahun-tahun 1980an yang bercanggah mengenai suasana sebenar politik antarabangsa dan perubahan ke arah keamanan. Walaupun kedua-dua pendekatan ini berbeza, namun mereka masih berkongsi dua andaian yang asas, iaitu negara mempunyai kepentingan yang tetap dan keupayaan untuk memperjuangkan kepentingan itu dibatasi oleh kuasa material seperti geografi, teknologi dan pengagihankuasa (Nor Azizan et al., 2011).

Menurut perspektif realisme, istilah keselamatan disamakan dengan kepentingan menjaga kelangsungan negara. Manakala, kepentingan negara diukur dari sudut kuasa. Pemikiran ini telah menyediakan asas politik kepada kewujudan konsep strategi cegahrintang yang telah mendominasi perbincangan isu-isu keselamatan dan polisi negara sepanjang era Perang Dingin. Persekitaran antarabangsa dari perspektif realisme dan neorealisme, berada dalam keadaan anarki di mana konflik adalah endemik dan keselamatan hanya boleh dicapai melalui kuasa dan ketenteraan. Keamanan hakiki adalah mustahil tetapi yang paling hampir dicapai ialah kestabilan yang terhasil melalui pembentukan pakatan antara negara untuk mengimbangi ancaman kuasa hegemoni. Terdapat juga pandangan lain bahawa kewujudan pakatan adalah tidak stabil kerana musuh juga akan membentuk pakatan untuk mengimbangi kewujudan pakatan tersebut (Jackson & Sørensen, 2013).

Para pendokong aliran neorealisme telah mengembangkan hujahan untuk mengukuhkan teori seiring dengan kewujudan neoliberalisme, pendekatan alternatif dalam HA. Pendekatan ini muncul sebagai evolusi daripada teori realisme klasik, yang berhujah bahawa kuasa adalah faktor yang paling penting dalam Hubungan Antarabangsa. Neorealisme menolak penggunaan premis asas seperti elemen sifat manusia dalam menganalisa politik antarabangsa. Sebaliknya, para pemikir neorealisme mencadangkan penggunaan keterbatasan struktur sebagai faktor penentu tingkahlaku pelaku dalam hubungan antarabangsa. Neorealisme berhujah bahawa struktur semulajadi antarabangsa ditentukan mengikut kedudukan, bersifat anarki tanpa autoriti kuasa pusat dan pengagihan keupayaan adalah dinilai dari sudut bilangan kuasa besar dalam sistem tersebut. Setiap negara adalah berdaulat dan bertindak berpandukan logik untuk menjaga kepentingan masing-masing. Kelangsungan dan kepentingan nasional dalam sistem anarki ini telah mempengaruhi pola tingkahlaku negara, yang akhirnya mengakibatkan negara memilih membangunkan kemampuan ofensif ketenteraan bagi meningkatkan kuasa relatifnya. Senario ini kemudian mengakibatkan wujud suasana saling tidak percaya dan ketidaktentuan, yang dinamakan sebagai dilema keselamatan (Jackson & Sørensen, 2013).

Dengan berakhir era Perang Dingin, telah memberikan kesan kepada realisme. Ini akhirnya menyediakan ruang kepada kelahiran aliran alternatif dalam sub-bidang pengajian keselamatan khususnya, melalui usaha meluaskan dan memperdalam tumpuan perbincangan kajian keselamatan yang sebelum ini dilihat dari sudut yang sempit, dengan berpaksikan negara sebagai unit analisis utama. Buzan (1991) mengkritik konsep keselamatan yang dilihat sebagai lebih menjurus untuk menjaga kelangsungan, mengekalkan integriti dan kedaulatan negara dalam menghadapi pihak yang dianggap musuh. Beliau telah mencadangkan lima dimensi keselamatan yang saling berkaitan dalam kerangka konsep yang menyeluruh, termasuk ketenteraan, politik, ekonomi, masyarakat dan alam sekitar. Walaupun disanggah oleh pendokong teori berpaksikan negara sebagai menjejaskan keutuhan nilai akademik dan ciri sebenar disiplin kajian keselamatan, itulah yang menggambarkan situasi sebenar selepas tamatnya Perang Dingin.

Teori arus perdana juga telah dikritik kerana tidak mampu menerangkan fenomena yang berlaku dalam politik antarabangsa sepanjang tahun-tahun 1990-an. Dalam tahun-tahun tersebut, hampir tiga puluh peperangan berlaku yang kebanyakannya adalah merupakan perang saudara. Selama ini teori realisme menganggap hanya negara merupakan aktor penting dalam konflik antarabangsa dan ancaman dari luar menjadi tumpuan paling utama. Sedangkan liberalisme pula banyak memberi penekanan pada kepentingan kerjasama antarabangsa. Kedua-dua teori ini secara praktikalnya tidak dapat menerangkan peperangan yang berlaku ini terutama sekali mengenai konflik ganas di antara kumpulan etnik, agama, atau kumpulan kelas sosial yang lebih menjurus kepada ancaman dari dalam dan bukannya luaran sebuah negara (Nor Azizan et al., 2011; El-Awaisi, 2012).

Perbincangan mengenai proses peluasan tumpuan konsep keselamatan inilah membuka ruang kepada perdebatan dan kemunculan konsep keselamatan insan. Perkembangan ini menjadi titik penting kepada penerimaan elemen bukan tradisional menjadi sebahagian daripada elemen ancaman terhadap keselamatan di setiap peringkat, sama ada global, negara, komuniti dan individu. Negara-negara Asia, khususnya Asia Tenggara, amat sinonim dengan paradigma keselamatan negara dari perspektif realisme yang menekankan kepentingan perimbangan kuasa dan juga sistem sendiri (Nishikawa, 2009). Dua faktor yang menyebabkan situasi seperti ini berlaku: pertama, untuk memelihara kedaulatan negara yang secara relatifnya baru saja memperolehi kemerdekaan; kedua, pelaksanaan amalan demokrasi yang tidak konsisten oleh kebanyakan negara di rantau ini. Walaupun rantau ini telah mengalami perkembangan pesat dengan pertumbuhan ekonomi, risiko konflik bersenjata masih wujud dan serius di kebanyakan kawasan. Dari sudut sejarah pula, ada negara di rantau ini yang terlibat dalam peperangan 'antarabangsa'. Terdapat banyak isu yang belum selesai seperti pertindihan tuntutan terhadap beberapa kepulauan di Laut China Selatan yang turut membabitkan China. Walaupun kejatuhan Kesatuan Soviet dan pengunduran Amerika Syarikat dari rantau ini mendatangkan impak positif, perkembangan China sebagai sebuah kuasa besar rantau telah mencetuskan dilema keselamatan di kalangan negara-negara serantau. Di peringkat domestik pula, oleh kerana keadaan masyarakatnya yang plural, negara-negara ASEAN juga cenderung melihat perpecahan politik, etnik dan rantau sebagai titik kelemahan (Nishikawa, 2009).

#### KONSEP KESELAMATAN INSAN: ANJAKAN PARADIGMA?

Keselamatan insan pertama kali digunakan dalam Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) oleh Setiausaha Agungnya ketika itu ialah Boutros-Boutros Ghali di dalam laporan bertajuk *Agenda for Peace* (1992). Konsep ini menjadi isu perdebatan sejak pertama kali muncul dan digunakan dalam *Human Development Report* (HDR) (1994), bertajuk '*A New Dimension on Human Security*'. Kofi Annan kemudian mengukuhkan kepentingan konsep keselamatan insan apabila menggunakan istilah tersebut dalam beberapa siri laporan dan deklarasi penting yang dikeluarkan oleh badan dunia seperti *Millennium Declaration* (1999), laporan *High-level Panel on Threats, Challenges and Change* (2004), dan laporan *In Larger Freedom: Towards Development, Security and Human Rights for All* (2005). Konsep keselamatan insan juga telah diiktiraf secara rasmi dalam dokumen akhir Sidang Kemuncak Dunia (2005) dan Persidangan Perhimpunan Agung 2008 dengan tajuk *Thematic Debate on Human Security* (Bakri, 2015).

Terdapat beberapa ciri penting yang memberikan identiti terhadap konsep keselamatan insan. Pertama, konsep keselamatan insan adalah bersifat universal, pelbagai dimensi (*multi-dimensional*). Konsep keselamatan insan juga berciri multi-dimensi kerana ia

menawarkan pendekatan yang bersepadu dan penganalisaan yang merentasi sempadan bidang ilmu sebagai alternatif kepada pendekatan tradisi yang bersifat sektoral, terpisah kepada sektor-sektor tertentu yang spesifik seperti keselamatan, pembangunan, hak asasi manusia dan keamanan. Kedua, komponen keselamatan insan ialah saling bergantung. Ia adalah hubungan di mana setiap ahli saling bergantung antara satu sama lain. Jika penduduk di satu tempat mengalami masalah, penduduk di negara-negara lain juga akan mengalami nasib yang hampir sama seperti isu-isu keburluran, penyakit, pencemaran, masalah ekonomi dan ancaman pengganas. Ketiga, keselamatan insan lebih mudah ditangani melalui pencegahan awal. Dalam bentuk polisi, pihak pemerintah seharusnya menggubal polisi yang boleh menjamin kesejahteraan rakyat sejak dari awal sebelum merebak. Keempat, ia berorientasi manusia, iaitu memberi tumpuan kepada keselamatan individu atau komuniti (UNDP, 1994; Mack, 2004). Perspektif ini amat berbeza daripada pandangan realisme khususnya, kerana konsep keselamatan insan meletakkan negara sebagai alat atau mekanisme untuk membolehkan objektif keselamatan individu dicapai dalam kerangka besar politik antarabangsa.

Dalam sesetengah keadaan, negara turut menjadi punca ancaman kepada kehidupan individu. Contohnya, hampir 174 juta orang telah kehilangan nyawa kerana tindakan kerajaan sendiri dalam abad ke 20. Angka kematian ini adalah empat kali lebih tinggi berbanding dengan angka kematian di medan peperangan di antara negara dan dalam negara dalam tempoh yang sama. Premis utama definisi ini ialah (i) ia merangkumkan tumpuan kepada kebebasan dari ketakutan dan kebebasan dari kemahuan; dan (ii) penekanan kepada elemen universal, kebergantungan, pencegahan dan juga pemusatan orientasi terhadap manusia yang akan dibincangkan secara lebih terperinci berikutnya (UNDP 1994). Keselamatan insan menekankan kepada dua aspek utama yang menjadi terasnya iaitu kebebasan dari kehendak (*freedom from want*) dan kebebasan dari ketakutan (*freedom from fear*).

Kedua-dua teras di atas sebenarnya boleh dirujuk kepada sejarah penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang termaktub dalam Piagam Atlantik (1941), yang antara lain menyatakan,

*(Sixth), after the final destruction of the Nazi tyranny, they hope to see established a peace which will afford to all nations the means of dwelling in safety within their own boundaries, and which will afford assurance that all the men in all lands may live out their lives in freedom from fear and want.*

Jaminan yang terkandung dalam pernyataan tersebut telah digunakan oleh Kuasa Pakatan untuk mengistiharkan peperangan dalam Perang Dunia Kedua. Istilah tersebut juga menjadi teras kepada penubuhan (PBB) yang tercetus daripada usul Persidangan San Francisco (1945). Dalam menjelaskan matlamat penubuhan PBB, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Edward R. Stettinius Jr., secara spesifik menjelaskan,

*...the battle for peace has to be fought on two fronts. The first is the security front where victory spells freedom from fear. The second is the economic and social front where victory means freedom from want. Only victory on both fronts can assure the world of an enduring peace [...] No provisions that can be written into the Charter will enable the Security Council to make the world*

*secure from war if men and women have no security in their homes and their jobs* (Okubo, 2011).

Kedua-dua idea itu kemudiannya menjadi asas kepada program PBB mengenai pembangunan dan hak asasi manusia sejak perlembagaannya ditandatangani pada tahun 1945. Untuk mencapai keamanan, terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi iaitu, pembangunan manusia dan keselamatan insan. UNDP (1994) telah mendefinisikan pembangunan manusia sebagai satu proses memperluaskan pelbagai pilihan individu dan keselamatan insan pula mewakili kemampuan individu atau seseorang untuk melaksanakan pilihan tersebut secara yang selamat dan bebas, dengan keyakinan bahawa pilihan-pilihan tersebut akan kekal. Bentuk-bentuk ancaman tersebut merangkumi tujuh (7) komponen iaitu i) keselamatan ekonomi, ii) sekuriti makanan, iii) keselamatan kesihatan, iv) keselamatan alam sekitar, v) keselamatan personal, vi) keselamatan komuniti dan vii) keselamatan politik. Ancaman terhadap keselamatan insan bukan hanya wujud dari dalam sesebuah negara, tetapi juga melibatkan ancaman globalisasi seperti jurang peluang ekonomi yang tinggi, migrasi yang melampau, kemerosotan alam, bahaya dadah dan juga ancaman pengganas antarabangsa. UNESCO kemudiannya mengambil kira pentingnya elemen budaya untuk keamanan yang berkekalan (Rashila et al., 2012). Namun persoalannya setelah lebih setengah abad apakah telah wujud keamanan?

#### KESELAMATAN INSAN: KONSEP SERUPA, PENDEKATAN BERBEZA

Antara negara yang aktif mendokong pelaksanaan konsep keselamatan insan ialah Kanada, Norway dan Jepun. Kanada dan Jepun menggunakan keselamatan insan sebagai sebahagian daripada instrumen dasar luarnya. Pendekatan Jepun lebih kepada model keperluan asas, sebaliknya cuba mengekalkannya sebagai dwi-objektif (Shinoda, 2009). Pendekatan yang diambil oleh Jepun ini adalah selari dengan kecenderungan dasar luar Jepun yang memberi tumpuan kepada bantuan berorientasikan pembangunan kepada negara yang memerlukan sebagai alat diplomasinya di peringkat antarabangsa. Dalam erti kata lain, Jepun masih lagi mengekalkan definisi komprehensif mengenai keselamatan insan, yang merangkumi segala aspek ancaman terhadap *survival* manusia, kehidupan seharian dan maruah individu, dan dalam masa yang sama meningkatkan usaha untuk menghadapi ancaman-ancaman tersebut (Sato, 2007). Pandangan inilah yang dikongsi sebahagian besar negara-negara membangun khususnya selepas berlakunya krisis ekonomi di rantau Asia Pasifik.

Kanada lebih menekankan kepada model campurtangan yang menjurus kepada aspek 'kebebasan dari ketakutan' terutama melalui aktiviti diplomasi operasi pengaman. Krisis kemanusiaan yang berpunca daripada konflik kekerasan patut dijadikan tumpuan utama perbincangan keselamatan insan, berbanding ancaman yang disebabkan faktor kekurangan pembangunan (Amitav, 2001). Oleh kerana itu, perspektif keselamatan insan yang dipelopori oleh Kanada merangkumi bentuk-bentuk pendekatan yang mampu menghalang dan menyelesaikan konflik kekerasan bagi melindungi masyarakat awam ketika berlaku konflik dan juga meningkatkan kemampuan negara bagi melindungi keselamatan penduduknya. Dalam konteks ini, Kanada turut mempertimbangkan tindakan secara paksaan seperti campurtangan kemanusiaan untuk memastikan keselamatan insan walaupun tindakan campurtangan hanyalah merupakan pilihan terakhir untuk menyelesaikan konflik.

Pandangan yang sama turut dikongsi oleh Norway dan beberapa negara Eropah yang membincangkan keselamatan insan. Norway telah mengenal pasti beberapa agenda keselamatan insan utama iaitu tindakan pencegahan, kawalan senjata api ringan dan kecil,

dan operasi pengaman. Kedua-dua negara, iaitu Kanada dan Norway bersependapat bahawa penekanan terhadap usaha melindungi individu (dalam suasana konflik) adalah amat penting untuk menjayakan konsep keselamatan yang baru seperti keselamatan insan. Di atas dasar inilah akhirnya, *Human Security Network* (HSN) atau *Lysøen Group* yang berjaya menarik penyertaan badan-badan bukan kerajaan dan wakil-wakil kerajaan dari sekitar 13 buah negara termasuk Austria, Kanada, Chile, Greece, Ireland, Jordan, Mali, Netherlands, Slovenia, Switzerland dan Thailand (Alkire, 2003).

#### WACANA KONSEP KESELAMATAN INSAN DI ASIA TENGGARA


Di Asia Tenggara, penerimaan konsep keselamatan menyeluruh menyediakan asas kepada perdebatan konsep keselamatan insan. Ini adalah kerana wujud kesamaan dalam isu yang ditekankan walaupun berbeza cara memahaminya. Kewujudan isu-isu bukan tradisional yang bersifat transnasional di rantau ini memberi ancaman serius kepada keselamatan dan kehidupan individu seperti: (a) krisis kewangan Asia 1997-1998, (b) kebakaran hutan di Indonesia (1997-1998), (c) pengeboman di Bali (2002), (d) ancaman wabak SARS (2003), (e) penyebaran wabak selsema burung (2003-2004), (f) tsunami dari Lautan India yang menimbulk kemusnahan teruk terhadap kawasan pantai Indonesia, Thailand dan lain-lain negara Asia Tenggara pada bulan Disember 2004, (g) gempa bumi, (h) banjir, (i) kemusnahan hutan, (j) pemanasan global, (k) penyeludupan dadah, serta (l) pemerdagangan dan penyeludupan manusia. Kebanyakan isu ini berasal dari sumber yang secara tradisinya bukan menjadi prioriti agenda keselamatan negara tradisional. Keadaan ini telah menyediakan ruang kepada perdebatan tentang kemampuan pendekatan keselamatan tradisional dan keselamatan menyeluruh serta kemampuan ASEAN untuk menanganinya secara berkesan (Bakri, 2015; Zarina, 2009; Amitav, 2001; Caballero-Anthony, 2005).

Terdapat dua peristiwa besar yang menarik perhatian umum terhadap pendekatan keselamatan insan di rantau ini. Pertama ialah krisis kewangan Asia 1997-1998, dan kedua, peristiwa tsunami pada tahun 2004. Krisis kewangan yang berlaku menjadi titik perubahan besar menarik perhatian para ilmuan di Asia terhadap konsep keselamatan. Isu-isu seperti kemiskinan, kekurangan bekalan makanan, kemerosotan kualiti kesihatan dan pendidikan membawa kepada peningkatan kadar jenayah. Ini bukan saja menjejaskan kerajaan, telah tersebar dengan cepat dan akhirnya merebak ke peringkat rantau yang lebih besar. Di dalam negara pula, ia menjejaskan individu dan keluarga, dan akhirnya menimbulkan ketegangan dalam masyarakat (Zarina, 2009; Caballero-Anthony, 2005). Pakej rangsangan yang dihulurkan oleh IMF pula telah ditentang kerana tuntutan tidak munasabah oleh negara Barat untuk mengadakan perubahan sosial dan politik selari dengan budaya dan nilai mereka. Keadaan yang wujud juga telah menyebabkan peningkatan pergerakan penduduk melepasi sempadan negara masing-masing seperti Korea Selatan, Thailand, Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Thailand turut menjadikan kepentingan hak asasi sebagai sebahagian daripada objektif dasar luar negaranya dengan mencabar prinsip tidak campurtangan ASEAN supaya ASEAN menerima pendekatan "penglibatan fleksibel". Oleh kerana idea tersebut diperkenalkan di saat Asia sedang mengharungi kesan krisis kewangan 1997-1998, negara-negara anggota ASEAN mendapati ia bukanlah masa yang sesuai, dan ia dikhuatiri menimbulkan perpecahan. Thailand percaya kemakmuran bergantung kepada pendekatan pembangunan mapan yang bertujuan untuk melindungi alam sekitar, mengurangkan ketidaksamarataan ekonomi dan meluaskan peluang untuk mengecapi kehidupan lebih baik.

Pada tahun 1999, kerajaan Thailand telah mengeluarkan enakmen Akta Pendidikan Nasional untuk menjamin peluang yang lebih adil dalam sistem pendidikan negara dan memperbaiki taraf pendidikan dari sudut kemahiran professional, penyelidikan dan pembangunan. Akta Perlindungan Pekerja telah diperkenalkan untuk melindungi dan meningkatkan kebajikan golongan pekerja (Caballero-Anthony, 2004).

Kumpulan penyelidikan dari Bangi, Selangor, Malaysia, khususnya yang berpusat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) seterusnya telah mengutarakan kerangka baru yang mewakili penambahan elemen keselamatan sosial dalam senarai lapan ancaman yang telah dikembangkan oleh UNESCO sebelum ini, iaitu elemen keselamatan sosial dengan menggelarkannya sebagai *Bangi Approach to Human Security (BAGHUS)* seperti yang dilamirkan di Rajah 1. Walaupun mengakui model yang dicadangkan oleh agensi PBB itu lebih universal, mereka berhujah bahawa BAGHUS adalah lebih sesuai dilaksanakan di rantau Asia Tenggara dengan mengambilkira keunikan dan perbezaan yang wujud di rantau ini khususnya. Masyarakat memerlukan keselamatan sosial yang munasabah, sebagai contoh jaminan dari sudut keselamatan sosial dan ekonomi untuk lebih berdaya maju. Dalam erti kata lain, keselamatan insan di rantau ini mengambilkira keselamatan dari dalam (kebebasan dari ketakutan) dan juga, keperluan terhadap pembangunan manusia untuk memenuhi elemen kebebasan dari kemahuan. Manakala, keselamatan personal pula adalah saling berkait rapat dengan keselamatan komuniti kerana wujud perkaitan yang rapat dalam hubungan individu dan komuniti. Menurut pendekatan BAGHUS juga, dalam konteks keselamatan insan di Asia Tenggara, keselamatan budaya juga memberi tumpuan kepada kesamaan gender, berbeza dengan UNDP yang memberi tumpuan kepada usaha melindungi etnik atau kumpulan minoriti (Rashila et al., 2012).



Rajah 1: Pendekatan Bangi terhadap keselamatan insan (Rashila et al., 2012).

Isu AIDS turut diakui menjadi ancaman kepada Thailand, tetapi juga negara-negara seperti Vietnam, Laos, Cambodia, Myanmar dan Yunnan (China) yang terus menyaksikan peningkatan bilangan mangsa jangkitan dengan hampir 1 juta daripada 6.6 juta mangsa jangkitan HIV/AIDS di Asia Pasifik adalah dari wilayah tersebut. Manakala isu kemasukan pendatang tanpa izin dan pemerdagangan manusia turut menjadi isu keselamatan insan



dengan lambakan pendatang dari negara-negara jiran seperti Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam. Kedua-dua isu tersebut menimbulkan masalah yang lebih besar kerana pergerakan individu melepasi sempadan tanpa kawalan juga turut menimbulkan masalah lain seperti pengedaran dadah, pelacuran, penyebaran penyakit, penyeludupan dan lain-lain lagi (Paitoonpong, 2006).

Konsep keselamatan insan juga turut menjadi objektif kertas cadangan Thailand supaya ASEAN menerima pendekatan pembangunan yang lebih berorientasikan manusia yang dibahaskan dalam *ASEAN Post-Ministerial Conference* di Manila pada tahun 1998. Antara lain ia dikeluarkan kerana krisis kewangan yang melanda rantau Asia menunjukkan keperluan kepada jaringan keselamatan sosial terutama golongan miskin, yang terabai ketika negara menikmati kemajuan. Dalam konteks yang lebih luas, masalah tersebut boleh menjadi ancaman terhadap rantau Asia Tenggara keseluruhannya. Cadangan tersebut telah diterima dengan sedikit pindaan kepada "*ASEAN-PMC Caucus on Social Safety Net*" disebabkan tentangan oleh sesetengah perwakilan negara-negara ASEAN yang tidak selesa dengan beberapa aspek konsep keselamatan insan terutama yang menyentuh isu hak-hak asasi manusia (Zarina, 2009).

Menurut Caballero-Anthony (2005), ancaman SARS pada tahun 2003 turut memberi kesan besar kepada perdebatan berhubung dengan isu ancaman terhadap keselamatan insan. SARS telah menjangkiti 8,300 mangsa dan mengakibatkan kehilangan nyawa yang dilaporkan seramai 783 kes di 28 buah negara. Dalam konteks ASEAN, ancaman SARS membuka mata kerajaan dan ahli politik terhadap kegagalan memberi perhatian kepada isu kesihatan yang boleh menjejaskan keselamatan.

Peristiwa serangan pengganas ke atas menara Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan Pentagon pada 11 September 2001 (9/11), dan reaksi segera oleh Amerika Syarikat terhadap kumpulan Al-Qaeda di Afghanistan dan serangan ke atas Iraq berpaksikan slogan "*War on Terrorism*" telah memberi kesan signifikan kepada disiplin ilmiah kajian keselamatan, tumpuan terhadap keselamatan insan dan dokongan terhadap isu-isu hak asasi manusia. Antara tindakan ini memberi kesan kepada keselamatan insan adalah pelaksanaan polisi, penguatkuasaan yang memberikan elit pemerintah kuasa yang besar terhadap orang awam hingga menjejaskan hak asasi sebagai individu dari perspektif keselamatan insan. Manakala, dokongan terhadap isu hak asasi manusia pula dianggap sebagai halangan dalam usaha membanteras keganasan yang memerlukan penguatkuasaan undang-undang yang ketat seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Malaysia. Cadangan mengkaji kewajaran keperluan ISA di Singapura dan Malaysia, telah dipendamkan seketika dengan berlakunya peristiwa 9/11. Dari sudut impak kepada wacana akademik pula, tumpuan kerajaan untuk mengekang ancaman pengganas telah mengakibatkan inisiatif 'memperluas' (*widening*) dan 'memperdalam' (*deepening*) tumpuan bidang kajian keselamatan tergendala kerana dominasi perbincangan yang menghala kepada kerangka keselamatan tradisional seperti dalam era Perang Dingin (Evan, 2004).

Oleh kerana itu, walaupun kerajaan cuba memenuhi keperluan asas penduduk dan memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi yang juga menjadi salah satu teras keselamatan insan, masih terdapat kekurangan khususnya dari sudut isu hak-hak asasi manusia yang menjadi intipati konsep keselamatan insan (Zarina, 2009). Satu perkembangan yang dialu-alukan dalam konteks ASEAN ialah pengenalan *ASEAN Charter* yang dilancarkan secara rasmi pada 15 Disember 2008, oleh negara-negara anggota pertubuhan itu di Jakarta, Indonesia. Dokumen tersebut telah menunjukkan hasil positif negara-negara anggota untuk

melahirkan kerangka perlembagaan yang berorientasikan matlamat untuk menjaga kesejahteraan kehidupan dan keselamatan insan. Walaupun perlembagaan tidak menyebut terminologi keselamatan insan secara jelas, terdapat perkembangan besar ditunjukkan dengan kesediaan menjadikan isu demokrasi dan hak asasi manusia sebagai satu komitmen bersama. Artikel 1[7] antara lain menjelaskan “...to strengthen democracy, enhance good governance and the rule of law, to promote human rights and fundamental freedoms”(Perlembagaan ASEAN).Selain itu, perlembagaan ASEAN juga turut menjelaskan komitmen negara-negara anggota untuk menubuhkan badan hak asasi manusia sebagai salah satu organ ASEAN untuk mengurus dan melindungi hak asasi dan kebebasan manusia.

Krisis kemanusiaan yang melanda masyarakat Rohingya di Myanmar boleh dilihat sebagai manifestasi kepada kegagalan negara dalam melindungi keperluan paling asas dalam kehidupan manusia sama ada dari sudut kebebasan dari ketakutan, mahupun kebebasan dari kemahuan. Idea keselamatan insan mendapat sambutan hangat di peringkat komuniti akademik. Lebih menarik juga, bermula dari tahun 1997 selepas Asia dilanda krisis kewangan, jaringan *Track-Two* di Asia termasuklah ASEAN-ISIS dan CSCAP telah mula memasukkan konsep keselamatan insan di dalam terma keselamatan mereka. Di Asia Tenggara, kewujudan NGO dan aktivis seperti *ASEAN People’s Assembly (APA)* yang berkempen supaya agar agenda pembangunan dan keselamatan lebih bersifat “*human centered*” menunjukkan bagaimana aktivis dan organisasi masyarakat sivil [civil society organisation (CSO)] transnasional boleh berfungsi sebagai pentas di mana wacana yang membina boleh dibentuk dan disalurkan (Caballero-Anthony, 2004). Bagaimana pula krisis yang berskala besar di rantau yang lain seperti insiden *Arab Spring* di Timur Tengah?

#### JARINGAN KOMUNIKASI, MEDIA DAN KESELAMATAN INSAN DALAM GELOMBANG KEBANGKITAN RAKYAT “ARAB SPRING” DI TIMUR TENGAH

“Gelombang *Arab Spring* yang telah melanda negara-negara di Timur Tengah dan beberapa buah negara di Afrika Utara seperti Mesir, Tunisia dan Yemen bermula tahun 2010 menjadi satu fenomena yang diperbincangkan secara hangat dalam pelbagai wacana tempatan dan antarabangsa. Kewujudan jaringan komunikasi sepatutnya memberikan ‘kuasa’ kepada rakyat untuk berpartisipasi secara adil dalam sistem politik dan ekonomi serta bebas dari ketidakadilan dan cengkaman pemerintahan yang autokratik. Malangnya, aspirasi itu akhirnya bertukar menjadi ilusi yang menakutkan. Masyarakat di negara yang dilanda gelombang tersebut kini berdepan dengan ketidaktentuan dan impak negatif yang akhirnya menjejaskan keselamatan insan. Kajian oleh ramai penyelidik menunjukkan bahawa jaringan komunikasi khususnya melalui peranan media baru adalah amat signifikan walaupun bukan sebagai faktor utama dalam mendorong kemunculan gelombang rakyat ini (Wolfsfeld, Segev & Sheaffer, 2013).

Revolusi *Arab Spring* bermula dengan siri protes ke atas ketidakadilan, kekejaman dan penolakan rakyat terhadap rejim pemerintah. Siri penentangan ini telah membawa kepada kejatuhan beberapa kepimpinan kerajaan seperti yang berlaku di Tunisia, Mesir, Libya dan Yemen dan mengakibatkan berlaku konflik dan peperangan sivil di beberapa negara lain seperti Syria, Libya, Yemen dan Iraq. Kesan gelombang ini turut dirasai di beberapa buah negara seperti di Morocco, Jordan dan beberapa negara anggota pertubuhan Gulf Cooperation Council (GCC) walaupun hanya pada kadar minima. *Arab Spring* telah membuka ruang kepada kemunculan pergerakan Islam yang sederhana untuk membentuk parti politik, menyertai dan akhirnya memenangi pilihanraya seperti yang berlaku di Tunisia dan Mesir. Malangnya, ia juga membawa kepada kemunculan pergerakan radikal seperti

*Islamic State of Iraq and Syria (ISIS)* yang menimbulkan kekacauan dan huru-hara di Syria, Iraq dan Libya dan Houthis di Yemen. Situasi selepas kebangkitan rakyat juga menunjukkan tiada perubahan positif kepada masyarakat awam selepas kerajaan yang dipilih oleh rakyat akhirnya ditumbangkan melalui rampasan kuasa di Mesir (Alsoudi, 2014). Di Syria, protes yang berlaku sebagai menyuarakan kegelisahan rakyat akhirnya membawa kepada peperangan sivil yang berpanjangan sehingga ke hari ini. Situasi yang sama berlaku di Libya, Iraq dan Yemen. Hanya negara Tunisia yang masih kekal diperintah oleh kerajaan yang dipilih selepas kejayaan menumbangkan rejim pemerintah sebelumnya (Ahmed, Talha & Ghazali, 2012).

#### *Peranan Jaringan Komunikasi dalam Gelombang Arab Spring*

Kewujudan jaringan komunikasi melalui peranan media khususnya media baru tidak dinafikan mempunyai peranan dalam membentuk identiti dan kesedaran masyarakat termasuk di negara-negara Arab. Kemunculan gelombang protes besar-besaran yang berlaku di Timur Tengah bermula pada awal 2011 menekankan peranan teknologi komunikasi maklumat terkini dan rangkaian media sosial digital. Teknologi ini amat berpengaruh di peringkat global dan memberi kesan besar bukan hanya kepada negara maju, malah juga kepada negara membangun. Oleh kerana itu, gelombang *Arab Spring* juga turut dinamakan sebagai “*Twitter Revolution*” atau “*Facebook Revolution*” atau “*Mobile Phone Revolution*”, “*Revolusi Internet*” atau “*Skype Revolution*” dan lain-lain lagi. Ini menunjukkan pengaruhnya sebagai alat penting untuk membolehkan proses komunikasi antara manusia berlaku secara pantas, di mana ia adalah hampir mustahil tanpa kewujudan jaringan komunikasi moden ini (Ahmed et al., 2012).

Di negara seperti Mesir, Tunisia, dan Yemen, rancangan untuk melakukan protes yang membabitkan ribuan penyertaan telah dibuat dan disebar melalui media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*. Aktivis menggunakan media sosial seperti *YouTube* dan *Skype* untuk menyampaikan mesej, dan berita atau maklumat yang sama turut disiarkan untuk tatapan orang awam di negara masing-masing dan dunia luar melalui rangkaian berita seperti *AlJazeera* dan *AlArabiya*. Walau bagaimanapun, selain daripada media sosial, ada kaedah lain yang turut digunakan untuk menyampaikan maklumat khususnya di negara-negara yang mempunyai tahap capaian internet yang rendah dan peranan jaringan sosial adalah lemah seperti di Yemen dan Libya. Antaranya ialah melalui alat media elektronik seperti telefon bimbit, email dan penyebaran klip video yang pernah disiarkan melalui medium *Youtube*. Di Mesir, khususnya Cairo, masjid menjadi platform utama untuk menggerakkan tindakan protes dan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat awam. Begitu juga peranan syarikat penyiaran seperti *AlJazeera*. Dalam konteks ini, peranan teknologi adalah sebagai pemangkin dalam mewujudkan pergerakan massa yang akhirnya mengakibatkan kejatuhan kepimpinan sesetengah kerajaan. Media ini juga telah memecahkan halangan psikologi akibat ketakutan dengan kemampuan berhubung dan menyebarkan maklumat yang diperlukan tanpa sekatan oleh kerajaan (Kassim, 2012; Hearn-Branaman, 2012). Situasi ini juga sebenarnya turut dipengaruhi oleh peranan golongan muda dengan akses yang lebih tinggi terhadap media sosial. Golongan muda yang mewakili kumpulan demografi terbesar di setiap negara Arab, tapi terpinggir dari perhatian media perdana, berdepan dengan kadar pengangguran yang tinggi dan menguasai kemahiran teknologi, akhirnya menjadikan media sosial sebagai saluran alternatif komunikasi yang menyenangkan (Khalid, 2015).

Menurut Khalid (2015), peranan jaringan komunikasi melalui media sosial dan rangkaian berita seperti AlJazeera ini boleh dilihat dari lima keadaan, iaitu: pertama, berfungsi saling menyumbang. Kewujudan media sosial dan rangkaian berita internet saling menyumbang dan memenuhi keperluan antara satu sama lain membentuk sinergi yang positif. Para penggerak rapat umum dan aktivis mengeksploitasi sepenuhnya peranan media sosial dan kemampuan rakaman kamera telefon untuk merakamkan peristiwa penting yang akhirnya disiarkan secara langsung melalui media seperti AlJazeera dan AlArabiya. Kedua, mobilisasi dan mobiliti. Ini mewakili peranan dinamik media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *YouTube* dan *blog* untuk menggerakkan orang ramai dan mewujudkan rangkaian yang bergerak. Media sosial pula berfungsi secara santai di mana setiap individu boleh melaporkan berita ketika sedang bergerak tanpa banyak kekangan seperti menggunakan media tradisional. Ketiga, luar kawalan. Kewujudan media sosial mencabar kemampuan negara untuk melaksanakan sistem kawalan secara ketat seperti sebelumnya. Tidak seperti media tradisional yang lebih mudah diperhati atau disekat, para aktivis dan penggerak mampu melepasi sekatan kerajaan dengan kemahiran teknologi yang dimiliki.

Keempat, mampu membabitkan semua pihak (*inclusivity*). Peralatan dan perisian media sosial boleh diakses dan dimiliki dengan mudah, telah menawarkan tahap penglibatan aktivis jurnalis yang meluas untuk melaporkan maklumat dan peristiwa walaupun mereka berada di kawasan yang jauh di kawasan pedalaman di Tunisia, Mesir, Libya ataupun Yemen. Akses ini juga mampu dicapai di kawasan-kawasan yang sukar dimasuki oleh para wartawan atau jurukamera biasa. Kelima, keserasian peranan media sosial dengan media penyiaran. Kemampuan mobiliti pergerakan, kemampuan memberi maklumat segera dan *inclusivity* yang dimiliki oleh aktivis jurnalis menjadikan mereka sebagai sumber pemberi maklumat utama kepada media penyiaran. Maklumat ringkas terkini (*update*) yang diberikan melalui telefon bimbit dari jalanan ketika protes berlangsung telah menjadi maklumat asas yang akhirnya dipancarkan melalui syarikat penyiaran di negara-negara Arab, di mana rangkaian penyiaran rasmi negara disekat daripada menyiarkannya. Yang terakhir ialah kemampuan (*affordability*). Amalan aktivis jurnalis yang berlaku ketika gerakan protes dilakukan adalah mampu dilakukan oleh kerana alat utama media sosial yang diperlukan hanyalah telefon bimbit yang dilengkapi dengan kamera. Alat ini adalah murah dan boleh dibawa oleh majoriti masyarakat. Ia tidak memerlukan peralatan yang mahal dan canggih untuk membolehkannya beroperasi (Khalid, 2015). Faktor-faktor yang dijelaskan ini membolehkan jaringan komunikasi yang ada digunakan secara meluas oleh orang awam yang terlibat dalam gelombang *Arab Spring*.

#### *Kajian Kes 1: Peristiwa di Tunisia dan Mesir*

Di Tunisia, gelombang revolusi bermula pada bulan Disember 2010 apabila Mohamed Bouazizi, seorang peniaga jalanan membakar diri sendiri sebagai tanda protes terhadap layanan tidak adil, gangguan dan penghinaan oleh pihak berkuasa. Alatan yang digunakannya untuk berniaga telah dirampas oleh pihak berkuasa dan bila laporan dibuat, beliau juga diganggu dan dihina oleh pegawai majlis perbandaran. Antara sebab yang lebih besar yang mendorong kepada tindakan membakar diri dilakukan ialah sebagai tanda protes terhadap amalan rasuah yang berleluasa dan kadar pengangguran yang tinggi dalam negara (Alsoudi, 2014).

Berita dan video mengenai kematian Bouazizi muncul dalam talian dengan cepat mendorong berlakunya demonstrasi untuk kali pertama. Tetapi bila muncul video lain menunjukkan pertembungan ganas dengan pihak berkuasa, ia semakin menyemarakkan

kemarahan masyarakat. Justeru peranan media sosial adalah penting kerana sebelum ini stesen penyiaran berita milik kerajaan sering mengenakan sekatan ke atas berita yang disampaikan. Video protes juga kemudian telah disiarkan oleh media antarabangsa seperti AlJazeera dan disebarluaskan secara meluas (Dewey, Kaden, Marks, Matsushima & Zhu, 2012).

Secara tiba-tiba, berita kematian beliau telah mendapat perhatian masyarakat yang mula membincangkannya secara serius di media sosial. Ia merupakan fenomena bagi masyarakat awam di Tunisia. Peristiwa di Tunisia juga telah menarik perhatian komuniti pengguna media global melalui aliran keluar maklumat secara *'first hand'* dari Tunisia tanpa perlu bergantung kepada saluran media tradisional. Keadaan ini akhirnya membawa kepada bantahan besar-besaran oleh masyarakat awam sehingga menjatuhkan rejim pimpinan president Ben Ali, yang melarikan diri ke Arab Saudi pada 14 Januari 2011 (Alsoudi, 2014).

Peristiwa di Tunisia akhirnya merebak ke beberapa negara lain termasuk Mesir. Peristiwa di Mesir bermula pada 6 Jun 2010, bila seorang pemuda bernama Khaled Saeed telah dipukul sehingga mati oleh pihak polis setelah menyebarkan video menunjukkan polis membahagikan rampasan dadah. Video menunjukkan badan Khalid yang dipukul akhirnya di muatnaik ke dalam talian, membawa kepada kelahiran kumpulan pengikut Facebook *"We Are All Khaled Saeed"* yang diuruskan oleh pegawai eksekutif Google dan aktivis siber Wael Ghonim. Pengikut beliau semakin bertambah sehingga mencecah 400,000 menjelang Febuari 2011. Setelah disusuli oleh beberapa siri peristiwa lain, tidak lama kemudian, dalam bulan yang sama pada 25 Januari 2011, ribuan masyarakat awam turun menunjukkan bantahan di Medan Tahrir, Cairo. Mereka menuntut President Hosni Mubarak berundur dari tampuk pemerintahan (Ahmed et al., 2012).

Pada malam 27 Januari 2011, kerajaan Mesir cuba menyekat akses media sosial dalam kalangan masyarakat awam dengan memutuskan semua sistem komunikasi termasuk internet dan telefon. Sebaliknya, masyarakat awam yang simpati tidak dapat menyaksikan apa yang berlaku, akhirnya turun beramai-ramai ke Medan Tahrir untuk memberi sokongan terhadap bantahan. Kerajaan pimpinan Hosni Mubarak akhirnya meletakkan jawatan pada 12 Febuari 2011 dengan digantikan oleh Majlis Tentera untuk menyokong perubahan politik secara demokratik (Khamis & Vaughn, 2011). Kedua-dua kes menunjukkan ancaman *freedom from fear* perspektif keselamatan insan.

Jadual 1: Gambaran protes gelombang Arab Spring (2010-2011).

Negara	Anjuran Bantahan Besar-besaran kali Pertama	Jumlah Bantahan Terbesar	Hari Bantahan Terbesar	Bandar	Penganjur Utama
Tunisia	Isnin, 27 Disember	1,000++	Selasa, 11 Januari	Tunis	Aktivis kesatuan sekerja
Mesir	Selasa, 25 Januari	100,000++	Selasa, 8 Febuari	Cairo	Ikhwan Muslimin
Yemen	Khamis, 27 Januari	20,000++	Jumaat, 18 Mac	Sana'a	<i>Al-Islah</i> (Ikwan)
Jordan	Jumaat, 28 Januari	7,000-10,000	Jumaat, 25 Febuari	Amman	<i>Islamic Action Front</i> (Ikwan)
Bahrain	Isnin, 14 Febuari	10,000++	Selasa, 22 Febuari	Manama	Al-Wefaq, al-Waad
Syria	Khamis, 17 Febuari	10,000++	Jumaat, 22 April	Damascus	Aktivis Revolusi Syria
Morocco	Ahad, 20 Febuari	10,000++	Ahad, 20 Mac	Casablanca	Gerakan 20 Febuari

\*Sumber: Dewey et al. (2012, hlm.15).

### *Kajian Kes 2: Peristiwa di Syria*

Jika di Tunisia dan Mesir, gelombang revolusi membawa kepada kejatuhan dua rejim pemerintahan, di Syria, suasana sebaliknya berlaku. Di Syria, protes pada awalnya bermula apabila sekumpulan remaja disiksa oleh pihak berkuasa di Deraa setelah ditangkap pada bulan Mac 2011 kerana menconteng di dinding dengan perkataan “rakyat mahu tumbangkan kerajaan”. Apabila permintaan oleh ibu bapa dan pemimpin masyarakat supaya kumpulan remaja ini dilepaskan tidak dipedulikan oleh pihak berkuasa, tindakan protes mula mendapat perhatian orang ramai. Seterusnya protes masyarakat awam di Deraa dibalas secara keras oleh pihak berkuasa. Pertembungan antara orang awam dengan pihak berkuasa akhirnya menjadi semakin membesar. Antara faktor utama timbulnya kebangkitan di Syria ialah kerana pendekatan kerajaan yang bersifat autoritarian, dengan mengabaikan kepentingan rakyat atau masyarakat awam. Kebuluran disebabkan isu sekuriti makanan turut terancam. Walau bagaimanapun, oleh kerana tahap akses terhadap internet dan komunikasi adalah rendah, maklumat yang disebarkan melalui media sosial seperti *Facebook* tidak mendapat sambutan yang diharapkan khususnya pada bulan Januari 2011 (Khattab, 2017).

Pada Mac 2011, satu laman *Facebook* bertajuk “Revolusi 2011” telah diwujudkan. Maklumat penganjuran bantahan juga turut disebarkan melalui laman web dan saluran media sosial lain seperti *YouTube* dan *Twitter*. Cuma dalam konteks Syria, tekanan yang dikenakan oleh rejim pemerintah adalah sangat hebat. Oleh itu, antara alternatif yang ada untuk menyebarkan maklumat mengenai gerakan protes ialah secara penyampaian maklumat melalui individu yang dipercayai menyebabkan sokongan terhadap bantahan adalah lebih rendah berbanding di tempat lain (Dewey et al., 2012).

Realitinya, situasi di Syria adalah sangat teruk dan kesan gelombang *Arab Spring* tidak membuahkan hasil yang diharapkan. Kerajaan pimpinan Bashar al-Assad yang didapati lebih bersedia menjadikan masyarakat awam di Syria terus sengsara dan keselamatan insan terus terjejas di tangan pelaku iaitu sebuah negara.

### *Pengajaran kepada Perspektif Keselamatan Insan di Asia Tenggara*

Konsep keselamatan insan meletakkan premis bahawa fokus utama perbincangan keselamatan ialah menjurus kepada keselamatan individu, di mana negara bukan lagi menjadi aktor yang utama (UNDP, 1994). Negara pula dilihat sebagai alat untuk menjaga kepentingan dan menjamin keselamatan insan.

Dalam konteks perbincangan mengenai kewujudan jaringan keselamatan dan keselamatan insan, premis asas adalah kewujudan jaringan komunikasi yang baik seharusnya memberi impak positif kepada keselamatan insan melalui tindakan masyarakat awam yang menggunakan saluran komunikasi untuk membuat keputusan yang akhirnya mewujudkan suasana atau natijah yang lebih baik. Sebaliknya, pengajaran dari kajian kes yang dipilih menunjukkan bahawa kewujudan jaringan komunikasi yang menjadi antara faktor yang menggerakkan gelombang rakyat, *Arab Spring* adalah tidak seharusnya menghasilkan natijah yang positif seperti yang diharapkan. Ia berguna tapi bukanlah menyediakan alat yang cukup untuk membolehkan sesuatu gerakan massa berjaya (Dewey et al., 2012).

Adalah benar bahawa jaringan komunikasi memainkan peranan dalam gelombang *Arab Spring* tetapi peranannya adalah berubah mengikut tempat, masa dan pemimpin negara tersebut. Di Tunisia dan Mesir, ia berjaya menjatuhkan pemerintahan diktator melalui bantahan dan gerakan rakyat. Di Libya pula, walaupun media sosial didapati berjaya menggerakkan gerakan penentangan, namun rakyat Libya akhirnya merana setelah

kejatuhan rejim Muammar Gaddafi. Manakala, di Syria, suasana yang dialami juga hampir sama kerana rakyatnya turut menderita di tangan rejim pemerintah yang keras dan ramai yang menjadi pelarian.

Senario kebangkitan rakyat ini juga sebenarnya pernah berlaku dan dialami oleh negara-negara di Asia Tenggara. Antaranya ialah gelombang rakyat di Filipina yang menjatuhkan kerajaan pimpinan Ferdinand Marcos pada tahun 1986 setelah lebih dua dekad memerintah secara diktator. Di Indonesia, Presiden Suharto yang telah memegang tampuk pemerintahan selama lebih tiga dekad (1967-1998) di Indonesia akhirnya akur dengan tekanan massa melalui gerakan 'Reformasi' supaya berundur. Di Malaysia, gelombang 'Reformasi' juga turut disambut dan menjadi agenda politik pimpinan tokoh-tokoh parti pembangkang tetapi tidak membawa kepada perubahan besar dalam konteks peralihan kuasa pemerintahan.

Melihat kepada senario di atas, pengaruh gelombang *Arab Spring* diandaikan akan memberi kesan signifikan di rantau Asia Tenggara kerana mengambilkira negara-negara di rantau ini turut dihuni oleh majoriti penduduk beragama Islam seperti di Malaysia, Indonesia dan Brunei. Tempias ini boleh dirasai apabila media-media sosial turut menjadi medium untuk rakyat mengkritik kegagalan kerajaan dan pemerintah. Walaupun begitu, kawalan media dan jaringan komunikasi yang lebih terbuka masih tidak membawa kepada berlakunya gelombang gerakan masyarakat yang menumbangkan kerajaan seperti yang dialami negara-negara di Timur Tengah dan Afrika (Chong, 2014).

Justeru apa faktor-faktor penghalang gelombang *Arab Spring* berlaku di Asia Tenggara? Berbeza dengan negara-negara lain di Timur Tengah, kejayaan mewujudkan sistem demokrasi yang berfungsi, di samping pembangunan ekonomi dan sosial di negara-negara di rantau ini adalah lebih baik adalah antara faktor utama yang perlu diberi perhatian. Keabsahan kepimpinan di Asia Tenggara adalah melalui pendemokrasian berbanding di Timur Tengah iaitu kepimpinan banyak melalui rampasan kuasa. Strategi negara dalam memacu pembangunan ekonomi sebagai satu pendekatan teras untuk mencapai keadilan sosial dan keamanan boleh dianggap sebagai antara faktor penting yang menghalang gelombang kebangkitan rakyat (Yusuf, 2016). Negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia, Thailand dan Vietnam juga telah muncul antara negara-negara yang paling pesat membangun di Asia sejak tahun 1980an sehingga pertengahan tahun 1990an. Kestabilan ekonomi yang dicapai meletakkan negara-negara ini pada posisi yang lebih kukuh berbanding beberapa negara yang terjejas dengan gelombang Arab Spring kerana ia menjamin kestabilan politik dan sosial, di samping dapat memenuhi harapan rakyat melalui peluang pekerjaan dan lain-lain (Holliday & Wilding, 2003; Jomo, 2003). Pendekatan Malaysia dalam menghapuskan ancaman Komunis melalui doktrin Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) juga boleh menjadi contoh strategi serampang dua mata dalam memenuhi aspirasi rakyat, seterusnya menjamin keselamatan insan.

Amalan dan proses demokrasi, serta tadbir urus kerajaan yang lebih baik juga menjadi antara faktor penghalang berlakunya gelombang *Arab Spring* di Asia Tenggara. Rekod hak asasi manusia di Timur Tengah juga lebih buruk berbanding di Asia Tenggara. Walaupun tidak dinafikan masih wujud kepincangan dalam sistem tadbir urus kerajaan, situasi tersebut masih terkawal berbanding kebanyakan negara di Timur Tengah yang mendorong rakyat bertindak menyuarakan ketidakpuasan hati secara konfrontasi di jalanan. Sistem tadbir urus dan amalan prinsip demokrasi yang lebih baik telah memberi ruang kepada rakyat untuk mendapat manfaat daripada dasar-dasar kerajaan, di samping

turut mendapat peluang untuk terlibat dalam menentukan kepimpinan kerajaan melalui sistem demokrasi. Sebaliknya, amalan tadbir urus yang kurang baik dan ketidakcekapan, dan pentadbiran secara diktator adalah merupakan fenomena biasa yang akhirnya telah menafikan peluang kepada rakyat untuk mendapat manfaat dari dasar kerajaan dan terlibat secara positif dalam menentukan kepimpinan politik negara. Data dari *Worldwide Governance Indicators* (WGI) yang diterbitkan oleh Bank Dunia (2008) menunjukkan bahawa negara-negara di rantau Asia Tenggara berada pada kedudukan yang kukuh berbanding lain-lain negara dari Asia Barat dari sudut kualiti kawalselia, kebertanggungjawaban, kestabilan politik, keberkesanan kerajaan, dan peraturan undang-undang, berbanding negara-negara dari Asia Barat yang menduduki tempat tercorot hampir dalam setiap dimensi yang dinilai (Zhuang, Dios & Lagman-Martin, 2010, hlm.17-18). Justeru, bila ditambah pula dengan tahap akses terhadap media sosial yang baik, keadaan ini telah membuka ruang yang luas kepada rakyat seperti yang berlaku dalam peristiwa *Arab Spring* di Timur Tengah.

Dengan mengambilkira faktor paling asas yang mendorong kepada terbentuknya gelombang gerakan masyarakat, negara-negara di rantau Asia Tenggara seharusnya lebih bersedia dan positif dalam menjaga kepentingan keselamatan insan. Faktor utama yang dilihat sangat dominan mencetuskan gelombang *Arab Spring* ialah berpunca dari kegagalan negara tersebut untuk memainkan peranan sebagai pelindung, sebaliknya menjadi punca kepada kesengsaraan masyarakat. Ini akhirnya mengakibatkan kebangkitan rakyat untuk menghapuskan punca ketidakadilan yang menumbangkan rejim pemerintah dalam kes di Mesir dan Tunisia, serta mencetuskan huru-hara dan kemusnahan di Syria.

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, penerimaan terhadap konsep keselamatan insan walaupun dari satu sudut adalah agak perlahan dan kurang disenangi, dari aspek lain, terdapat indikator yang menunjukkan ada berlaku perubahan dasar. Begitu juga media dan komunikasi moden berperanan seperti yang dibincangkan dalam kes *Arab Spring*. Negara di rantau Asia Tenggara walaupun secara umumnya meletakkan keutamaan kepada kepentingan keselamatan negara sebagai prioriti utama, tetapi penerimaan terhadap konsep keselamatan komprehensif mengakibatkan secara tidak langsung isu-isu bukan tradisional turut mendapat perhatian pembuat dasar. Pengajaran dari kajian kes gelombang *Arab Spring* menunjukkan bahawa negara-negara di rantau Asia Tenggara wajar memberi perhatian serius kepada menjaga keselamatan insan. Kegagalan bertindak secara positif dari aspek ini boleh mengakibatkan keutuhan dan keselamatan negara terjejas. Dalam konteks wacana mengenai keselamatan insan pula, pendekatan BAGHUS adalah mewakili cetusan idea kritis dalam mencari pendekatan alternatif bagi membolehkan konsep keselamatan insan disesuaikan dengan keperluan masyarakat di rantau Asia Tenggara.

#### BIODATA

*Zarina Othman* (PhD) ialah Profesor Madya, dan merupakan Pengerusi di Pusat Dasar dan Governan Global, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: zo@ukm.edu.my

*Bakri Mat* (PhD) merupakan Pensyarah Kanan dan juga selaku Ketua, Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS), Universiti Utara Malaysia. Email: bakri@uum.edu.my



RUJUKAN

- Ahmed, W., Talha, M., & Ghazali Sulong (2012). The role of modern technology in Arab Spring. *Archives des Sciences*, 65(8), 101–112.
- Alkire, S. (2003). Concepts of human security. In Chen, L., Fukuda-Parr, S. & Seidensticker, E. (Eds.), *Human insecurity in a global world*. Cambridge: Harvard University Press.
- Alsoudi, A. (2014). The impact of Arab Spring on the political future of the Muslim brotherhood in the Middle East: Jordan as a case study. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 4(1), 1-29.
- Amitav, A. (2001). Human security: East versus west. *International Journal*, 56(3), 442-460.
- Bakri Mat, & Zarina Othman. (2014). Regional cooperation in addressing food security issues in Southeast Asia: Malaysian perspectives. *GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6), 37–47.
- Bakri Mat (2015). *Globalisasi dan dasar sekuriti makanan: Kajian kes keselamatan insan di Malaysia, 1981-2012* (Unpublished manuscrypt, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor).
- Buzan, B. (1991). New patterns of global security in the twenty-first century. *International Affairs*, 67(3), 431-451.
- Caballero-Anthony, M. (2004). Revisioning Human Security in Southeast Asia. *Asian Perspective* 28(3), 155-189.
- Caballero-Anthony, M. (2005). SARS in Asia: Crisis, vulnerabilities, and regional responses. *Asian Survey* 45(3), 475-495.
- Chong, A. (2014). 'Arab Uprisings' contagion: Electronic vicariousness and democratic empathy in Malaysia and Singapore. In Saikal, A., & Acharya, A. (Eds.), *Democracy and reform in the Middle East and Asia: Social protest and authoritarian rule after the Arab Spring* (pp. 203-232). London: I.B. Tauris and Palgrave Macmillan.
- El-Awaisi, A. F. (2012). A Muslim contribution to international relations theory: Aman (peaceful co-existence and mutual respect) theory. *Journal of International Studies (JIS)*, 8, 115-131.
- Evans, P. M. (2004). Human security and East Asia: In the beginning. *Journal of East Asian Studies*, 4(2), 263–284.
- Hearns-Branaman, J. O. (2012). The Egyptian revolution did not take place: On live television coverage by Al Jazeera english. *International Journal of Baudrillard Studies*, 9(1). Diakses di [https://www2.ubishops.ca/audrillardstudies/vol-9\\_1/v9-1-branaman.html](https://www2.ubishops.ca/audrillardstudies/vol-9_1/v9-1-branaman.html)
- Holliday, I., & Wilding, P. (2003). Conclusion. In Holliday, I., & Wilding, P. (Eds.), *Welfare capitalism in East Asia: Social policy in the tiger economies* (pp. 161-182). New York: Palgrave.
- Jackson, R., & Sørensen, G. (2013). *Introduction to international relations*. Oxford: Oxford University Press.
- Jomo, K. S. (2003). Introduction: Southeast Asia's ersatz miracle. In Jomo, K. S. (Ed.), *Southeast Asian paper tigers?* (pp. 1-18). London: Routledge.
- Kassim, S. (2012). *Twitter revolution*. Diakses di <https://mic.com/articles/10642/twitter-revolution-how-the-arab-spring-was-helped-by-social-media#.qD37xYMIO>

- Khamis, S., & Vaughn, K. (2011). Cyberactivism in the Egyptian Revolution: How civic engagement and citizen journalism tilted the balance. *Arab Media and Society*, 14(3), 1-25. Diakses di <http://www.arabmediasociety.com/?article=769>
- Khattab, L.(2017). Re-imagining the 'State' in Syria during the first year of the uprising (2011–2012). In Çakmak, C. (Ed.), *The Arab Spring, civil society, and innovative activism* (pp. 157-186). New York: Palgrave Macmillan.
- Khor, Y. L. (2013). The Sabah - Sulu crisis threatens the palm oil supply - Chain. *ISEAS Perspective*, 1-7.
- Levy J. S. (1989). In the causes of war: A Review of Theories and evidence. In Tetlock, P. E., Husbands, J. L., Jervis, R., Stern, P. C., & Tilly, C. (Eds.), *Behavior, society, and nuclear war* (Vol. I). New York: Oxford University Press.
- Mack, A. (2004). A signifier of shared values. *Security Dialogue*, 35(3), 366–367.
- Nishikawa, Y. (2009). Human security in Southeast Asia: Viable solution or empty slogan?. *Security Dialogue*, 40(2), 213-236.
- Nor Azizan Idris, Zarina Othman, & Rashila Ramli. (2011). Konstruktivisme sosial dan hubungan antarabangsa Malaysia. *Akademika*, 81(1), 39-50.
- Okubo, S. (2011). Globalization, human security, and the right to live in peace. In Ōkubo, S., & Shelley, L. I. (Ed.), *Human security, transnational crime and human trafficking: Asian and Western perspectives*. London: Routledge.
- Rashila Ramli, Zarina Othman, Nor Azizan Idris, & Sity Daud. (2012). Towards a modified approach to human security in Southeast Asia - A perspective from Bangi. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), 577-588.
- Sato, M. (2007). Human security and Japanese diplomacy: Debates on the role of human security in Japanese policy. In Shani, G., Sato, M., & Mustapha Kamal Pasha (Eds.), *Protecting human security in a post 9/11 World: Critical and global insights*, London: Palgrave Macmillan.
- Shinoda, H. (2009). Human security initiatives of Japan. In Brauch, H. G., Behera, N. C., Kameri-Mbote, P., Grin, J., Oswald Spring, Ú., Chourou, B., Mesjasz, C., & Krummenacher, H. (Eds.), *Facing global environmental change: Environmental, human, energy, food, health and water security concepts* (pp. 1097-1104). Berlin & Heidelberg: Springer.
- United Nations Development Programme (UNDP). (1994). *Human development report 1994*. New York & Oxford: Oxford University Press.
- Yusuf, I. (2016). *The Middle East and Muslim Southeast. Asia: Implications of the Arab Spring*. *Oxford Islamic Studies Online*. Diakses di [http://www.oxfordislamicstudies.com/Public/focus/essay1009\\_southeast\\_asia.html](http://www.oxfordislamicstudies.com/Public/focus/essay1009_southeast_asia.html)
- Zarina Othman, Mohd Kamal Omar, Firdaus Abdul Jabar, & Nor Azizan Idris. (2016). Memelihara keselamatan negara Malaysia: Peristiwa Lahad Datu, Sabah. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 12(7), 147–159.
- Zarina Othman. (2009). Human security concepts, approaches and debates in Southeast Asia. In Brauch, H. G., Behera, N. C., Kameri-Mbote, P., Grin, J., Oswald Spring, Ú., Chourou, B., Mesjasz, C., Krummenacher, H. (Eds.), *Facing global environmental change: Environmental, human, energy, food, health and water security concepts* (pp. 1037-1048). New York: Springer-Verlag.

Zhuang, J., Dios, E., & Lagman-Martin, A. (2010) *Governance and institutional quality and the links with economic growth and income inequality: With special reference to developing Asia*. *ADB Economics: Working Paper Series (No. 193)*. Diakses di <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/28404/economics-wp193.pdf>